



14 April 2014
14 April 2014
P.U. (A) 101

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

FEDERAL ROADS (SUNGAI BESI HIGHWAY) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Sungai Besi) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Sungai Besi yang bermula dari—

(a) kilometer 0.0 laluan utama di Persimpangan Bertingkat UPM di koordinat U332136.086, T414399.924 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 5.9 laluan utama di koordinat U337094.354, T412330.268 Grid RSO (GDM 2000) termasuklah Persimpangan Bertingkat Balakong, Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan, Plaza Tol Mines (Selatan) dan Persimpangan Kelab Lumba Kuda, iaitu suatu jarak sepanjang 5.9 kilometer;

(b) kilometer 21.2 laluan utama di koordinat U346806.626, T415590.054 Grid RSO (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 21.9 laluan utama di koordinat U347116.310, T416241.808 Grid RSO (GDM 2000) termasuklah Tanjakan Jalan Pandan 1, iaitu suatu jarak sepanjang 0.7 kilometer; dan

- (c) kilometer 1.2 Hubungan Pandan di koordinat U346290.969, T415821.825 Grid RSO (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 3.3 Hubungan Pandan di koordinat U346757.162, T417890.631 Grid RSO (GDM 2000) termasuklah Tanjakan Jalan Indah dan Tanjakan Jalan Pandan Makmur, iaitu suatu jarak sepanjang 2.1 kilometer,

diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

- (2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

PETA LEBUH RAYA SUNGAI BESI

